

1

Apakah maksud perceraian?

Perceraian, dari segi bahasa Arab, bererti tindakan melepaskan atau menguraikan ikatan. Contohnya –

- (a) "Aku ceraikan kau";
- (b) "Aku lepaskan kau".

2

Berapakah jenis lafaz perceraian?

Lafaz perceraian boleh dibahagikan kepada 2 jenis –

- (a) dalam bentuk jelas (sareh);
- (b) dalam bentuk tidak jelas atau sindiran (kinayah).

Lafaz sareh ialah lafaz yang menggunakan ucapan yang jelas dan tegas dengan maksud menunjukkan makna perceraian. Contohnya –

- (a) "Aku talakkan engkau";
- (b) "Aku ceraikan engkau dengan talak 1, 2 atau 3".

Dengan ucapan di atas, perceraian tetap berlaku antara keduanya walaupun tanpa niat pada pihak suami.

Lafaz kinayah ialah suatu lafaz yang boleh bererti talak dan boleh pula membawa erti yang lain. Lafaz itu haruslah dilihat hubungannya dengan suasana sebelum dan sesudahnya serta tanda-tanda (qarinah) yang mempertegas erti yang dimaksudkan dan juga niat pihak suami.

Contoh lafaz kinayah –

- (a) "Baliklah kamu kepada ibu bapa kamu";
- (b) "Saya tak hendak kepada kamu lagi";
- (c) "Mulai hari ini berpisahlah kita berdua".

Kesan perkataan-perkataan atau lafaz-lafaz seperti di atas bergantung pada niat suami yang melafazkannya itu. Jika dia berniat menceraikan isterinya, terjadilah perceraian. Sebaliknya, jika dia tidak berniat menceraikan isterinya, lafaz tersebut tidak memberi kesan perceraian.

3

Selain dua jenis lafaz perceraian di atas, bolehkah perceraian berlaku?

Perceraian juga boleh berlaku melalui sistem khidmat pesanan ringkas (sms), e-mel, faksimile, facebook, twitter dan lain-lain.

4

Siapakah yang boleh menentukan berlaku atau tidak berlakunya sesuatu perceraian?

Hanya Mahkamah Syariah di tempat suami isteri itu tinggal atau bermastautin boleh menentukan secara rasmi dan muktamad sama ada sesuatu lafaz yang diucapkan oleh suami kepada isterinya itu, sama ada dengan menggunakan perkataan jelas atau sindiran, telah mengakibatkan/membawa kesan perceraian.

5

Apakah tindakan yang perlu diambil bagi pasangan suami isteri yang bercerai di luar mahkamah?

Pasangan suami isteri yang bercerai di luar mahkamah hendaklah mengambil langkah seperti yang berikut:

- (a) melaporkan perceraian tersebut dengan kadar segera kepada Mahkamah Syariah di tempat mereka tinggal/bermastautin;
- (b) mendapatkan pengesahan perceraian tersebut daripada Mahkamah Syariah;
- (c) mendaftarkan perceraian tersebut supaya apa-apa perkara berbangkit daripada perceraian itu dapat diambil dengan teratur.

6

Apakah jenis-jenis perceraian?

Jenis-jenis perceraian adalah seperti yang berikut:

- (a) perceraian dengan persetujuan/dengan perintah mahkamah;
- (b) perceraian taklik;
- (c) perceraian fasakh;
- (d) perceraian tebus talak (khuluk).

A. Perceraian dengan persetujuan/dengan perintah mahkamah

Perceraian dengan persetujuan atau dengan perintah mahkamah bererti, seorang suami atau isteri membuat permohonan kepada mahkamah dengan mengisi borang-borang tertentu untuk bercerai sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk berbuat demikian.

Borang tersebut perlu diserahkan kepada mahkamah dengan disertai akuan berkanun (surat sumpah) dengan memenuhi perkara yang berikut:

- i. butir-butir perkahwinan, nama anak, umur anak (hasil daripada perkahwinan);

- ii. perkahwinan itu didaftarkan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam dan salah satu pihak bermastautin dalam Negeri di bawah Enakmen tersebut;
- iii. butir-butir mengenai apa-apa perbicaraan terdahulu mengenai hal ehwal suami isteri, jika ada;
- iv. pernyataan mengenai sebab-sebab hendak bercerai;
- v. pernyataan sama ada langkah-langkah perdamaian telah diambil;
- vi. syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah, tempat tinggal isteri dan anak-anak hasil daripada perkahwinan, penjagaan anak dan pembahagian apa-apa aset; dan
- vii. butir-butir perintah yang diminta.

Borang ini boleh diperolehi di Mahkamah Syariah di tempat yang berhampiran dengan pasangan suami/isteri tinggal atau bermastautin.

B. Perceraian taklik

Maksud cerai taklik ialah lafaz cerai yang dikaitkan dengan suatu janji yang telah dibuat oleh suami selepas akad nikah disempurnakan. Pada lazimnya, taklik tersebut menyebut antara lain –

- i. sekiranya suami meninggalkan isteri lebih daripada enam bulan tanpa memberi nafkah zahir atau batin secukupnya; atau
- ii. sekiranya suami memukul atau mendera isteri atau mendatangkan mudarat kepada isterinya.

Isteri yang ditinggalkan atau dicederakan seperti di atas boleh mengadu kepada Mahkamah Syariah di kawasan yang berhampiran dengan tempat tinggalnya dan sekiranya pengaduan itu sabit dan disahkan oleh Mahkamah, maka terjadilah perceraian secara taklik.

Perceraian taklik boleh juga berlaku apabila seorang suami membuat janji atau memberi amaran kepada isteri supaya melakukan atau meninggalkan daripada melakukan sesuatu.

C. Perceraian fasakh

Perceraian fasakh bermakna pembatalan atau pembubaran perkahwinan antara suami isteri melalui perintah Mahkamah. Seseorang isteri boleh membuat permohonan

- cerai fasakh kepada Mahkamah, antara lain, atas alasan seperti yang berikut, bergantung pada Negeri tempat dia tinggal:
 - (a) suami telah menghilangkan diri tanpa diketahui di mana berada selama tempoh lebih daripada setahun;
 - (b) suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan nafkah isteri dan anak-anak selama tempoh 3 bulan;
 - (c) suami telah dihukum penjarा selama tempoh tiga tahun atau lebih;
 - (d) suami tidak menuaikan nafkah batin tanpa sebab yang munasabah selama tempoh satu tahun;
 - (e) suami telah mati pucuk pada masa perkahwinan dan masih lagi sedemikian dan isteri tidak tahu pada masa perkahwinan bahawa suami telah mati pucuk;
 - (f) suami telah gila selama tempoh dua tahun atau sedang menghidap penyakit kusta atau vitiligo atau sedang menghidap penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit;
 - (g) isteri telah dikahwinkan oleh bapa atau datuknya sebelum ia mencapai umur enam belas tahun, menolak perkahwinan itu sebelum mencapai umur 18 tahun, dan ia belum disetubuh oleh suaminya itu;
 - (h) bahawa suami menganiayanya, iaitu, antara lain –
 - (i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniani; atau
 - (ii) berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak; atau
 - (iii) cuba memaksa isteri hidup secara lucu; atau
 - (iv) melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu; atau
 - (v) menghalang isteri daripada menuaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya; atau
 - (vi) jika dia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri berkenaan dengan secara adil mengikut kehendak-kehendak Hukum Syarak; atau
 - (vii) apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau fasakh di bawah Hukum Syarak.

D. Perceraian tebus talak (khuluk)

Perceraian tebus talak atau khuluk ialah suatu perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan memberi wang atau harta benda lain kepada suaminya.

Antara sebab yang membolehkan seseorang isteri mendapatkan tebus talak daripada suaminya ialah –

- (a) isteri tidak tertahan lagi tinggal dengan suaminya kerana suami berperangai jahat;
- (b) suami menyakiti hatinya menyebabkan isteri telah kehilangan kasih sayang terhadap suami;
- (c) kerana sebab-sebab lain yang membuat mereka tidak dapat bercampur atau bergaul dengan aman dan harmoni.

Mahkamah mempunyai budi bicara untuk meluluskan permohonan perceraian khuluk walaupun pihak suami tidak memberi persetujuan sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa suami isteri tersebut tidak dapat hidup bersama dengan damai dan selaras dengan kewajipan mereka.

E. Pembubaran perkahwinan kerana pertukaran agama

Pertukaran agama oleh salah satu pasangan perkahwinan akan menjadikan perkahwinannya menjadi bubar atas pengesahan Mahkamah. Walau bagaimanapun, kedudukan suami isteri adalah seperti yang berikut:

- (i) sekiranya salah satu pasangan menjadi murtad, perkahwinan hanya menjadi bubar setelah disahkan oleh Mahkamah;
- (ii) sekiranya isteri atau suami telah memeluk Islam dan pasangannya telah turut memeluk Islam dalam tempoh idah perkahwinan mereka mengikut hukum Syarak, maka status perkahwinan mereka dikekalkan iaitu mereka tidak perlu kepada akad nikah baru.

7

Apakah kesan dan akibat kepada perceraian?

Sesuatu perceraian boleh membawa kesan atau akibat seperti yang berikut:

(a) Perceraian secara persetujuan

Pihak-pihak kepada perceraian yang dilakukan atas persetujuan bersama boleh mengatur tentang pembahagian perbelanjaan harta, harta

sepencarian, penjagaan anak-anak, nafkah dan perkara lain sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

(b) Perceraian taklik

Seorang isteri yang bercerai melalui taklik tidak boleh kembali atau rujuk kepada pernikahannya yang dahulu melainkan dengan suatu akad nikah yang baru.

(c) Perceraian fasakh

Seseorang yang bercerai melalui cerai fasakh tidak boleh kembali atau rujuk kepada suaminya melainkan jika didahului dengan akad nikah yang baru.

(d) Tebus talak

Seseorang yang bercerai melalui tebus talak tidak boleh kembali atau rujuk kepada suaminya melainkan jika didahului dengan akad nikah yang baru.

8

Apakah idah perceraian?

Idah atau ‘iddah bermakna masa menanti yang diwajibkan ke atas isteri yang dicerai oleh suaminya. Tujuannya adalah untuk menentukan sama ada isteri itu hamil atau tidak dan dengan itu dapat diketahui siapa bapa si anak yang dikandung itu. Isteri yang dicerai oleh suaminya adakalanya telah disetubuh oleh suaminya dan adakalanya belum. Jika belum disetubuh oleh suaminya, maka dia tidak mempunyai idah. Bagi isteri yang hamil, idahnya sama ada cerai hidup atau cerai mati, adalah sehingga dia melahirkan anak yang dikandungnya itu. Bagi isteri yang tidak hamil, jika dicerai hidup, dan dia mempunyai haid, tempoh idahnya ialah tiga kali suci. Tetapi sekiranya perempuan itu tidak mempunyai haid, tempoh idah ialah tiga bulan sahaja. Ada tiga keadaan sekiranya seseorang perempuan itu tidak mempunyai haid, iaitu, yang masih kecil atau belum baligh, yang sudah baligh tetapi belum pernah datang haid, dan yang sudah pernah datang haid tetapi sudah tua atau putus haidnya.

9

Apakah perkara-perkara yang perlu diambil tindakan bagi membolehkan Jabatan Bantuan Guaman memberikan bantuan untuk menuntut perceraian?

Setiap pemohon yang ingin mendapatkan khidmat Jabatan Bantuan Guaman perlu mengemukakan dokumen atau butir yang berikut:

i. Butir-butir Perkahwinan

- (a) Surat Nikah Asal;
- (b) Sijil Kelahiran Anak-Anak.

ii. Butir-butir Pihak Kena Tuntut

- (a) Nama/alamat/pekerjaan suami/isteri;
- (b) Nama/alamat majikan suami/isteri.

iii. Laporan-laporan berkaitan

- (a) Runding cara;
- (b) Laporan perubatan;
- (c) Laporan Polis;
- (d) Saksi;
- (e) Penyata Gaji suami/isteri;
- (f) Perakuan daripada majikan suami/isteri;
- (g) Penyata KWSP suami/isteri;
- (h) Bukti berhubung dengan pertukaran alamat;
- (i) Dokumen-dokumen sokongan lain yang berkaitan, jika ada.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT

JABATAN BANTUAN GUAMAN

ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN, 62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON : 03-88851000

NO. FAKSIMILE : 03-88851829/1830/1831

LAMAN WEB : www.jbg.gov.my

SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke
15888

CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

JD001108—PNMB., K.L.

PERCERAIAN ORANG BERAGAMA ISLAM



Diterbitkan oleh
JABATAN BANTUAN GUAMAN